



Masalah-masalah dan jawapannya yang disajikan dalam ruangan ini disalin dari Majalah al-Azhar Mesir keluaran bulan November 1962 bilangan yang ke-empat bagi terbitannya yang ke-tiga puluh empat dalam ruangan ((memberi petua)) muka 523 dan 524 - diterjemahkan secara bebas.

* * *

Pembelahan dalam pandangan agama :

Tuan Muhammad Sulaiman Ghazi dari Homs Syria bertanya:

Apa hukum pembelahan ke atas orang mati dengan tujuan mempelajari ilmu ketabiban untuk mendapat kelulusan kedoktoran?

Jawapannya:

Salah satu pelajaran permulaan, bahkan juga menjadi asas yang penting di dalam mempelajari ilmu ketabiban itu, ialah peralajaran pembelahan ke atas anggota badan (yang dinamakan ilmu Tashrīh atau ilmu Urai). Kerana seseorang doktor itu tak dapat menjalankan rawatan terhadap tubuh dan mengubati penyakit yang bermacam-macam itu, melainkan sudah ia mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup dalam pembelahan (Tashrīh) ke atas tubuh

badan – baik secara teori maupun secara praktikal, dan mesti tahu kedudukan anggota-anggota yang di dalam tubuh dan bahagian-bahagiannya, serta tahu hubungan-hubungan dan susunan-susunan tubuh tersebut dan lain-lainya.

Semua yang disebutkan itu adalah merupakan perkara-perkara yang mesti dipelajari oleh setiap orang yang ingin menjadi doktor guna merawat orang sakit dan mengubati penyakitnya. Kerana merawat dan memberi ubat kepada orang yang sakit itu adalah salah satu kewajipan yang diwajibkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*.

Tak payahlah sesiapa hendak membantah atau mengatakan misalnya: ((Dahulu sudah pun ada doktor atau tabib, mengapa mereka menjalankan kerja perubatan dengan tidak ada menggunakan pembelahan?)), kerana orang- orang dahulu melakukan perubatan mereka secara kuno, itu pun untuk penyakit yang di luar sahaja, sedang perubatan hari ini meliputi kepada berbagai-bagai penyakit, istimewa sekarang itu ilmu-ilmu dalam jurusan kesihatan telah semakin tambah, di samping segala alat-alat dan kemudahan-kemudahan pun semakin banyak.

Kalau pembelahan – sebagai yang diterangkan tadi - merupakan suatu kewajipan, berdasarkan dalil atas wajibnya mempelajari ilmu ketabiban dan mengajarkannya, maka tugas atau kerja pembelahan itu menjadi suatu kewajipan pula yang dibebankan ke atas suatu golongan dari umat. Kerana diantara kaedah ilmu usul fiqh mengatakan; bahawa sekiranya syarak telah mewajibkan sesuatu kerja, maka akan termasuklah dalam kewajipan itu segala perkara yang menyebabkan kerja itu dapat disempurnakan.

taruhlah misalnya : sembahyang itu suatu kewajiban, maka bersuci pun turut menjadi wajib, kerana pekerjaan sembahyang tak dapat disempurnakan melainkan dengan bersuci.

Jadi manakala telah ada jalan bagi setengah golongan untuk menetapkan ((wajibnya mempelajari ilmu ketabiban dan mengerjakannya)) dengan sendirinya terikutlah ((menjadi wajib mempelajari ilmu pembelahan itu serta mengajarkannya secara amalan.))

Inilah dalil atau ulasan yang mengharuskan kerja pembelahan itu dilakukan dalam bidang ilmu pengetahuan yang dipelajari dan dalam lapangan pekerjaan yang diamalkan, bahkan boleh pula menjadi dalil yang diwajibkan seorang itu mendalami ilmu ketabiban dan perubatan.

Adapun kerja pembelahan untuk maksud yang lain seperti; membelah mayat orang yang mati terbunuh – untuk mengetahui sebab-sebab kematiannya, dan menyiasat perkara-perkara yang bersangkutan dengan sebab-sebab tersebut, serta mencari bukti yang dapat menyabitkan suatu jenayah pembunuhan ada dilakukan, atau mencari bukti yang dapat menafikan orang yang dituduh melakukan pembunuhan – maka tidak ada halangnya kerja pembelahan itu dijalankan, istimewa pula jika kerja pembelahan itu menjadi pokok untuk menyelesaikan perkara jenayah pembunuhan ada dilakukan, atau mencari bukti untuk menjatuhkan sesuatu hukuman dengan adil dan saksama, sehingga orang-orang yang tidak bersalah itu tidak teraniaya dan yang durjana pula tidak akan terlepas dari hukuman.

Hukuman memindahkan anggota-anggota orang mati kepada yang hidup:

Doktor Hayth (doktor bahagian mata) di Jakarta telah bertanya:

Apa hukumnya memindahkan anggota orang yang sudah mati kepada orang yang masih hidup dengan tujuan mengubatnya, iaitu memindahkan selaput mata orang mati itu untuk ditampalkan ke mata orang yang hidup – mengikut hukum syara' ?

Jawapannya :

Menyakiti mayat itu serupalah dengan menyakitkan yang hidup. Kalau anggota si mati (mayat) itu diambil, yang demikian itu menyakitinya dan boleh juga menyakiti keluarganya (perasaannya).

Orang yang hidup tetapi telah kehilangan pandangan matanya itu akan lebih besar kerugiannya kalau dibandingkan dengan kerugian orang mati yang diambil sebahagian anggotanya, Sebab anggota si mati itu jika dibiarkan ikut bersama dengannya, akan busuklah ia dan tak dapat digunakan lagi oleh sesiapa pun. Walhal jika anggota itu dipindahkan kepada yang hidup, dapatlah yang hidup menggunakannya dan harus ia kelak dapat memberikan khidmatnya kepada umum. Dan ini tidaklah bermakna bahawa mengambil anggota mayat itu tidak menyakitinya (merugikannya), tetapi menyakiti secara yang ringan itu bolehlah ditanggung untuk menolak

kerugian yang lebih besar, kerana tidak syak lagi bahawa

faedahnya dan kegunaanya walau untuk orang lain

kerugian orang yang hidup itu akan dirasakan

selepas matinya, maka tidaklah ada halangnya. Sedang agama

lebih berat. Jadi memindahkan anggota si mati itu

dalam hubungan ini tidak mengikat dengan apa-apa syarat

kepadanya lebih baik lagi, kerana tiap-tiap orang itu

kecuali yang dilarangnya ialah menyelar-nyelar si mati dan

menjadi ahli pergaulan dia merasa dijadikan bukan

hendaklah terlebih dahulu meminta kebenaran keluarganya dalam

hanya untuk dirinya bahkan juga untuk masyarakatnya.

perkara pemindahan itu supaya tidak menimbulkan

Kalaulah dia membenarkan sebahagian anggotanya itu berkekalan

apa-apa keburukan.



Bekas penuntut-penuntut Maktab Mahmud Alor Setar Kedah, yang sekarang ini sedang bertugas di ibu kota telah

mengadakan perjumpaan ramah-tamah di Kampung Baru Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Pengenalan :duduk dari

kiri: 1. Ashri Mahmud, 2. Ahmad Badri Farid, 3. Abdul Hamid Darus, 4. Ismail Daud,

5. Zakaria Lazim. berdiri : 1. Saleh Jamil, 2. Hashim Dol, 3. Abdul Tholib, 4. Ramli Saleh,

5. Shaufiq Ahmad, 6. Abdul Qadir Yaakub, 7. Ghazali Haji Abdul Wahab- kiriman Ghazali Badri

Hijrah 1383 ini.

Bentuk umat islam yang diciptakan oleh Nabi Muhammad (S.A.W)

Sesungguhnya penduduk dunia ini merupakan berbagai-bagai umat yang hidup di dalamnya. Semuanya bertugas untuk meramaikan dan memakmurkannya. Dengan tugas inilah mereka menciptakan dasar-dasar hidup dengan menggunakan anasir-anasir yang mereka miliki, sehingga dapat mereka lahirkan sebagai suatu umat.

Kalau kita katakana erti sesuatu umat, biasanya ialah sesuatu kumpulan manusia yang tunduk di bawah sesuatu pemerintahan yang mempunyai:

1. Kesatuan bangsa
2. Kesatuan bahasa
3. Kesatuan tanah air
4. Kesatuan agama

Yang keempat-empatnya merupakan teras bagi umat tersebut.

Maka dengan sendirinya jika kita katakkan ((umat Islam)), ialah kumpulan manusia yang mempunyai empat teras. Masing-masingnya seribu satu iaitu: bangsanya muslimin, bangsa al-Qur'ān, tanah airnya bumi Allah dimana dia berpijak, dan agamanya islam (ertinya menyerah diri kepada Allah).

Hakikat ini, adalah dasar mesti ditanamkan Di dalam jiwa setiap manusia yang mendakwa dirinya sebagai salah seorang umat Islam.

Perbandingan mengenai keempat-empat teras ini dapat kita misalkan sebagai berikut:

1. Kesatuan bangsa

Islam tidak membeza-bezakan bangsa. Adanya berbagai-bagai bangsa di dalam dunia ini adalah secara kebetulan sahaja,

kerana dia asalnya satu - berbakakan Adam dan beribukan Hawa. Dan kerana memenuhi sunatullah (ketetapan Allah) mereka dijadikan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku tujuannya supaya berkenal-kenalan diantara satu dengan yang lain - Berdasarkan firman Allah yang berbunyi:

Yā ayyuhā alnāsu innā khalaqānākum min dhakarīn wa'unthā waj'lnākum syu'ūbān waqobā'ila lita'ārafū (al- Hujurat : 13)

Ertinya: ((Hai manusia! Sesungguhnya kami jadikan kamu dari jenis lelaki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenalan-kenalan (antara satu dengan yang lain).))

Seorang yang berlainan suku dan bangsa, berlainan bentuk dan warna kulit, baik dia datangnya dari timur mahupun dari barat, bila bertemu antara satu dengan lain lalu memperkenalkan dara masing-masing sebagai ((seorang muslim)), keduanya akan segera menjadi mesra, terus berikat oleh adanya rasa persaudaraan dalam islam kerana telah ada imanya yang dicogankan oleh Allah dengan firmanNya:

Innamā al-mu'minūn ikhwah

Ertinya: ((Orang-orang mukmin sesama mukmin itu bersaudara.)) sehingga tiap-tiap seseorang dari keduanya itu akan melupakan suku dan bangsanya dan warna kulit yang dipunyai. Yang teringat olehnya hanyalah satu iktikad dan satu pendirian bahawa tiap-tiap seorang diri keduanya mempunyai kebangsaan sahaja iaitu berbangsa ((muslimin)).

2. Kesatuan bahasa.

Seseorang itu dari semenjak kelahirannya akan membiasakan bertutur dengan bahasa ibundanya. Walau misalnya bahasa ibundanya itulah sahaja bahasa yang diketahuinya,

namun kalau dia seorang muslim, dia akan terikat oleh satu bahasa yang mesti dipergunakannya dan menjadi suatu kewajiban menuturkannya setiap hari – sekurang-kurangnya dia mesti tuturkan lima kali dalam sehari.

Bilakah masanya menggunakan bahasa itu untuk bertutur dan bercakap? Ialah ketika seseorang muslim itu menyembah tuhannya. Dia bertutur dan berbahasa dengan bahasa al-Qur'ān. Kalau tidak, maka tidak akan terima sembahyangnya, dan dengan tertolak sembahyangnya runtuhlah salah satu rukun asas keislamannya.

Kalau benarlah ((bahasa itu jiwa bangsa)) merupakan sebagai lambang, maka akan tepatlah jika kita katakan, bahasa al-Qur'ān itulah yang menjiwai bangsa (umat) Islam. Bererti bahasa al-quran itulah merupakan kesatuan bahasa umat Islam seluruhnya.

3. Kesatuan tanah air

Sesuai kerajaan itu pemerintahan, masing-masing menetapkan sempadan, tanah airnya. Mereka jadikan kawasan tersebut sebagai kawasan autonominya dibuat sempadannya yang dicatat di dalam peta untuk diabadikan. Ada dipetakan sebagai kawasan yang mempunyai akuan difaktu dan dijuri, ada pula kawasan yang masih lagi menjadi kawasan amanah dan tanah jajahan dan lain-lainnya. Tetapi semua kawasan-kawasan itu tidaklah kekal selama-lamanya, bahkan berubah-ubah oleh timbulnya tindakan-tindakan kekerasan antara satu kerajaan dengan yang lain selama zaman masih beredar.

Sedang kesatuan tanah air dalam islam, tidak menetapkan sesuatu sempadan kerana semuanya itu adalah bumi Allah dan dimana seorang muslim itu berpijak

maka disitulah tanah airnya, disitulah ia hidup disitulah ia mencari rezeki, disitulah ia mencari kekayaan, dan disitulah pula kekayaannya dikeluarkan zakatnya, dibahagi-bahagikan sebahagian kekayaannya kepada orang-orang yang berhak- mengikut ketetapan tuhan- supaya orang-orang tersebut turut serta menikmati kekayaannya.

Tak ada pembolotan dalam monopoli dibenarkan oleh Islam kepada seseorang yang tertentu terhadap kekayaan yang dihasilkan oleh tanah air, bahkan bumi dan isinya itu untuk seluruh manusia sebagai yang dinyatakan oleh Allah dengan berfirman yang berbunyi:

Huwa al-lazī khalaqa lakum mā fī al-'arḍi jamī'ān

(29 al-baqarah)

Ertinya: ((Dialah (Allah) yang menjadikan isi bumi ini untuk kamu semuanya.))

Dalam pada itu orang-orang yang berkebolehan dan tahu bagaimana caranya berkerja dan mencari, tahu mempergunakan perbendaharaan dan kekayaan bumi itu dengan sebaik-baiknya, dialah yang akan mewarisinya - sesuai dengan apa yang dijelaskan oleh Allah dengan firmanNya:

Anna al-'arḍa yarithuhā 'ibādiya al-ṣālihūn

Yang ertinya: ((Sesungguhnya bumi ini akan diwarisi oleh hamba-hambaku yang soleh (berkebolehan menyelenggarakannya dengan baik).))

Sebagai yang dijelaskan tadi, bahawa kesatuan tanah air dalam islam tidak menetapkan sempadan kerana semuanya itu bumi Allah, namun demikian Islam mengakui dengan pengakuan yang sepenuh-penuhnya terhadap hak-hak asasi manusia. Seorang muslim terhadap seorang muslim yang lain wajib hormat- menghormati. Haram melakukan pencabulan terhadap nama dan kehormatannya.

-sambungan ke muka 39-